**PENYAKIT KONGENITAL** hendaklah bermaksud apa-apa keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud sejak lahir, dan juga keabnormalan fizikal neo-natal yang berkembang dalam tempoh (6) bulan dari tarikh kelahiran. Ini termasuk semua jenis hernia dan epilepsi kecuali disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh **Anda** dilindungi secara berterusan di bawah Sijil ini.

**HARI** bermaksud pentafsiran Hari yang dikenakan bayaran oleh **Hospital** yang berkenaan.

**PEMBEDAHAN HARIAN** bermaksud pesakit yang perlu menggunakan kemudahan pemulihan untuk prosedur pembedahan yang dirancang terlebih dahulu di **Hospital** / klinik pakar (tetapi bukan untuk bermalam).

**DOKTOR GIGI** hendaklah bermaksud orang yang berlesen atau berdaftar sewajarnya untuk mengamalkan pergi-gian dalam kawasan geografi di mana khidmat diberikan, tetapi tidak termasuk Doktor Gigi yang merupakan **Orang Yang Dilindungi** sendiri atau keluarga terdekat iaitu adik-beradik, pasangan suami isteri, anak atau ibu bapa.

**HILANG UPAYA** hendaklah bermaksud **Sakit, Wabak, Penyakit** atau semua **Kecederaan** yang timbul daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.

**DOKTOR** atau **PAKAR PERUBATAN** atau **PAKAR BEDAH** hendaklah bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan Perubatan Barat dan yang, semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan, tetapi tidak termasuk Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merupakan **Orang Yang Dilindungi** sendiri atau keluarga terdekat iaitu adik-beradik, pasangan suami isteri, anak atau ibu bapa.

**PERBELANJAAN LAYAK** hendaklah bermaksud perbelanjaan yang **Perlu Dari Segi Perubatan** yang ditanggung disebabkan oleh **Hilang Upaya** yang dilindungi tetapi tidak melebihi had manfaat dalam Jadual Manfaat.

**KECEMASAN** bermaksud perubatan yang diperlukan dalam keadaan di mana perhatian perubatan segera diperlukan dalam tempoh dua belas (12) jam **Kecederaan, Penyakit** atau gejala yang tiba-tiba dan gagal di mana kehidupan **Anda** boleh diancam atau membawa kepada kemerosotan kesihatan yang ketara.

**HIBAH** bermakna hadiah. Dalam konteks **Takaful**, kontrak **Hibah** adalah tertakluk kepada perkongsian lebihan, manakala jika terdapat pengisyiharan lebihan daripada dana **Takaful** pada akhir setiap tahun kewangan, lima puluh peratus (50%) daripada lebihan tersebut akan dikongsikan dengan peserta berdasarkan kontrak **Hibah** (hadiah).

**AHLI-AHLI KELUARGA** hendaklah bermaksud pasangan **Anda** yang sah, ibu bapa dan anak-anak.

**HOSPITAL** hendaklah bermaksud hanya pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai Hospital untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit atas katil berbayar, dan yang:

- (a) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan **Pembedahan** utama,
- (b) menyediakan khidmat jagaan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berdaftar dan berkelayakan,
- (c) di bawah penyeliaan **Pakar Perubatan**, dan
- (d) bukan klinik, tempat untuk orang ketagih alkohol dan dadah, pusat jagaan atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pertubuhan yang serupa

**PENGHOSPITALAN** hendaklah bermaksud dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang **Perlu Dari Segi Perubatan** bagi **Hilang Upaya** yang dilindungi apabila disyorkan oleh **Pakar Perubatan**. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam jika pesakit tidak tinggal di **Hospital** secara fizikal sepanjang tempoh dimasukkan ke **Hospital**.

**KECEDERAAN** hendaklah bermaksud kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh **Kemalangan**.

**JU'ALAH** bermakna komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan GRIA di mana pengendali **Takaful** akan menerima insentif bersamaan dengan lima puluh peratus (50%) daripada perkongsian GRIA pada akhir setiap tahun kewangan.

**ORANG YANG DILINDUNGI / ANDA** hendaklah bermaksud orang yang dilindungi dan dinyatakan dalam **Jadual Sijil**.

**UNIT RAWATAN RAPI** hendaklah bermaksud satu bahagian di **Hospital** yang dinamakan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh **Hospital**, dan yang diselenggara dua puluh empat (24) jam hanya untuk rawatan bagi pesakit dalam keadaan kritikal dan dilengkapai khidmat jagaan dan perubatan khas yang tidak disediakan di mana-mana bahagian lain **Hospital** itu.

**KEHILANGAN PENDENGARAN** bermaksud kehilangan pendengaran secara kekal dan tidak boleh dipulihkan.

**KEHILANGAN ANGGOTA BADAN** bermaksud kehilangan akibat permisahan secara fizikal pada atau di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali.

**KEHILANGAN PENGLIHATAN** bermaksud kehilangan penglihatan yang tidak dapat dipulihkan secara keseluruhan dan kekal.

**KEHILANGAN UPAYA BERTUTUR** bermaksud ketidakupayaan kekal dan menyeluruh untuk berkomunikasi secara lisan.

**KEHILANGAN PENGGUNAAN** bermaksud kehilangan upaya fungsian secara menyeluruh dan kekal dan dianggap sebagai kehilangan seluruh anggota badan atau organ tersebut dan bukan dari segi ketidakupayaan profesional atau pekerjaan **Anda**.

**HOSPITAL KERAJAAN MALAYSIA** hendaklah bermaksud **Hospital** yang bayaran khidmatnya tertakluk kepada Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan/atau pindaan berikutnya jika ada.

**KEPERLUAN DARI SEGI PERUBATAN** hendaklah bermaksud khidmat perubatan yang:

- (a) selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi **Hilang Upaya** yang dilindungi, dan
- (b) menurut piawai amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan profesional, juga dengan manfaat kesihatan yang sah, dan
- (c) bukan untuk kemudahan **Anda** atau **Pakar Perubatan**, dan tidak dapat diperoleh sewajarnya di luar **Hospital** (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam), dan
- (d) bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan, dan
- (e) yang bayarannya berpututan, munasabah dan biasa bagi **Hilang Upaya** itu.

**BONUS TANPA TUNTUTAN** hendaklah bermaksud selepas pembaharuan sijil ini (dengan syarat pembaharuan tersebut berterusan, sijil tidak pernah luput dalam mana-mana satu (1) tahun tertentu, dan tiada tuntutan dibuat selama tahun perlindungan sebelumnya), Bonus Tanpa Tuntutan sebanyak sepuluh peratus (10%) akan diguna pakai. Bonus Tanpa Tuntutan tidak terkumpul dan sekiranya tuntutan dibuat oleh mana-mana satu **Anda**, Bonus Tanpa Tuntutan akan dilucutkan sepenuhnya.

**PESAKIT LUAR** hendaklah bermaksud **Anda** yang menerima jagaan atau rawatan perubatan tanpa dimasukkan ke **Hospital** dan merangkumi

rawatan di pusat rawatan harian.

**HAD TAHUNAN KESELURUHAN** bermaksud manfaat yang dibayar bagi belanja yang dikenakan untuk rawatan yang diberikan kepada **Anda** dalam **Tempoh Takaful** hendaklah dihadkan mengikut Had Tahunan Keseluruhan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat tanpa mengira jenis **Hilang Upaya**. Jika Had Tahunan Keseluruhan telah dibayar, maka semua takaful untuk **Anda** di bawah ini hendaklah dihentikan bayarannya serta-merta bagi baki **Tahun Sijil** tersebut.

**LUAR NEGARA** bermaksud mana-mana destinasi di luar Malaysia.

**TEMPOH TAKAFUL** bermaksud tempoh Sijil seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**.

**HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL** bermaksud hilang upaya yang disebabkan semata-mata secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain kecuali akibat **Kecederaan** badan serta berlaku dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari berturut-turut dan kemungkinan besar mencegah **Anda** secara sepenuhnya daripada melakukan sebarang pekerjaan untuk seumur hidup dan yang mana tiada harapan untuk sembah.

**PEMILIK SIJIL** hendaklah bermaksud orang atau badan korporat atau persatuan/pertalian yang kepadanya Sijil dikeluarkan bagi melindungi orang yang secara khusus dikenal pasti sebagai **Orang Yang Dilindungi** dalam Sijil ini dan dapat menggunakan semua hak, keistimewaan dan pilihan yang terdapat di bawah sijil ini.

**PENYAKIT SEDIA ADA** hendaklah bermaksud **Hilang Upaya** sedia ada yang diketahui sewajarnya oleh **Anda**. **Anda** dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:

- (a) **Anda** telah atau sedang menerima rawatan;
- (b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- (c) gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
- (d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

**UBAT YANG DIPRESKRIPSIKAN** hendaklah bermaksud ubat yang diberikan oleh **Pakar Perubatan**, ahli farmasi berdaftar atau **Hospital** dan yang dipreskripsi oleh **Pakar Perubatan** atau **Pakar** bagi rawatan **Hilang Upaya** yang dilindungi.

**QARD** bermakna pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali **Takaful** jika berlakunya defisit dana **Takaful**.

**BAYARAN MUNASABAH DAN BIASA DIAMALKAN** hendaklah bermaksud bayaran rawatan perubatan yang **Perlu Dari Segi Perubatan**, yang dianggap munasabah dan biasa selagi bayaran itu tidak melebihi had biasa bayaran yang dibuat oleh pihak lain yang sama kedudukannya di tempat bayaran itu dikenakan, apabila memberikan rawatan, khidmat atau bekalan seumpamanya atau yang serupa kepada individu dengan jantina yang sama dan kategori umur yang sama untuk **Sakit**, **Penyakit** atau **Kecederaan** serta selaras dengan piawai dan amalan perubatan yang diterima dan tidak boleh diabaikan tanpa menjelaskan keadaan perubatan **Anda**.

**PEMBAHARUAN ATAU SIJIL YANG DIPERBAHARUI** hendaklah bermaksud Sijil yang telah dibaharui tanpa apa-apa tempoh luput sebaik sahaja tamatnya tempoh Sijil sebelumnya dengan kandungan yang sama tempoh.

**RM** bermaksud dalam Ringgit Malaysia, mata wang Malaysia.

**KECEDERAAN SERIUS ATAU PENYAKIT SERIUS** bermaksud **Hilang Upaya** kritikal atau berbahaya yang pada pendapat **Pakar Perubatan** atau **Penyedia Perkhidmatan**, memerlukan rawatan pemulihan segera untuk mengelakkan kematian atau masalah serius kepada keadaan kesihatan semasa atau jangka panjang.

**PENYEDIA PERKHIDMATAN** bermaksud bantuan kecemasan sedunia dua puluh empat (24) jam.

**SAKIT, WABAK ATAU PENYAKIT** hendaklah bermaksud keadaan fizikal yang ditunjukkan dari segi patologi berbeza daripada keadaan kesihatan yang normal.

**PAKAR** hendaklah bermaksud pengamal perubatan atau pergigian yang berdaftar dan berlesen sewajarnya di kawasan geografi yang khidmat tersebut diberikan, dan yang diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan sebagai orang yang mempunyai kepakaran yang tinggi dan khusus dalam bidang perubatan atau pergigian yang tertentu, tetapi tidak termasuk **Pakar Perubatan** atau **Pakar Bedah** atau **Doktor Gigi** yang merupakan **Orang Yang Dilindungi** sendiri atau keluarga terdekat iaitu adik-beradik, pasangan suami isteri, anak atau ibu bapa.

**PENYAKIT TERTENTU** hendaklah bermaksud **Hilang Upaya** berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama takaful **Anda**:

- (a) Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular.
- (b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem billari.
- (c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak.
- (d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele.
- (e) Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan.
- (f) Gangguan spina vertebral (termasuk disk) dan penyakit lutut.

**PEMBEDAHAN** hendaklah bermaksud mana-mana prosedur perubatan yang berikut:

- (a) Untuk menginsisi, mengeksisi atau mengelektroauterasi mana-mana bahagian organ atau badan kecuali untuk khidmat pergigian.
- (b) Untuk membaiki, mengubah atau membentuk semula mana-mana bahagian organ atau badan.
- (c) Untuk mengurangkan fraktur atau dislokasi melalui manipulasi.
- (d) Penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu atau objek dari larinks, bronkus, trachea, esofagus, perut, usus, pundi kencing atau uretra.

**CUKAI** hendaklah bermaksud sebarang cukai, levi atau duti langsung atau tidak langsung, masa kini atau masa depan, termasuk cukai penggunaan atau sebarang cukai sepertinya yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

**TEMPOH TANGGUH** hendaklah bermaksud tiga puluh (30) hari pertama antara masa bermulanya **Hilang Upaya Anda** dan bermulanya tarikh Sijil / tarikh pengembalian semula, dan terpakai hanya apabila orang itu dilindungi pertama kalinya. Ini tidak terpakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika takaful terhenti, maka Tempoh Tangguh akan terpakai sekali lagi.

**PEPERANGAN** bermaksud suatu aktiviti kekerasan antara dua (2) atau lebih negara, yang dijalankan bagi sebarang tujuan, atau konflik bersenjata antara kuasa berdaulat, atau perrusuhan terbuka yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan dan perrusuhan terbuka atau keadaan negara di mana terdapat gangguan perhubungan aman, dan perbalahan umum menggunakan kekerasan, yang kedua-duanya dibenarkan atau tidak dibenarkan oleh pemerintahnya.

**KAMI** bermaksud Zurich General Takaful Malaysia Berhad, yang merupakan syarikat takaful / pengeluar sijil.

## KETERANGAN MANFAAT

### JADUAL MANFAAT

Manfaat	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5
Had Tahunan Keseluruhan (RM) (untuk Seksyen A dan Seksyen B)	100,000	300,000	500,000	1,000,000	2,000,000
Bonus Tanpa Tuntutan	Pengurangan 10% atas caruman pembaharuan (jika tiada tuntutan dibuat)				
<b>Seksyen A – Manfaat Pesakit Dalam &amp; Pembedahan Harian</b>					
Bilik Hospital dan Makanan (RM)	100	150	180	200	500
	<i>(maksimum 365 hari setahun)</i>				
Unit Rawatan Rapi	Bayaran Dikenakan <i>(maksimum 180 hari setahun)</i>				
Bekalan dan Khidmat Hospital	Bayaran Dikenakan				
Prosedur Pembedahan Harian	Bayaran Dikenakan				
Bayaran Pembedahan	Bayaran Dikenakan				
Bayaran Pakar Bius	Bayaran Dikenakan				
Bayaran Bilik Bedah	Bayaran Dikenakan				
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital	Bayaran Dikenakan <i>(tidak terhad)</i>				
Bayaran Ambulans	Bayaran Dikenakan				
Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan (RM)	100 <i>(maksimum 365 hari setahun)</i>				
Manfaat Penjagaan Harian Anak Orang Yang Dilindungi (RM)	250 <i>(maksimum setiap hilang upaya)</i>				
Bayaran Laporan Perubatan (RM)	150 <i>(maksimum setiap hilang upaya)</i>				
Transplant Organ (Hati, Buah Pinggang, Jantung, Paru-paru atau Sum-sum Tulang)	Bayaran Dikenakan				
Cukai Ke Atas Perbelanjaan Layak	Bayaran Dikenakan				
<b>Seksyen B – Manfaat Pesakit Luar</b>					
Ujian Diagnostik Prahospital	Bayaran Dikenakan <i>(dalam masa 60 hari sebelum penghospitalan)</i>				
Rundingan Pakar Prahospital	Bayaran Dikenakan <i>(dalam masa 60 hari sebelum penghospitalan)</i>				
Rawatan Selepas Penghospitalan	Bayaran Dikenakan <i>(dalam masa 90 hari dari penghospitalan)</i>				
Rawatan Pesakit Luar Bagi Kemalangan Secara Kecemasan	Bayaran Dikenakan <i>(dalam masa 24 jam dan rawatan susulan sehingga maksimum 60 hari)</i>				
Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar	Bayaran Dikenakan <i>(dalam masa 90 hari dari tarikh keluar)</i>				
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Bayaran Dikenakan				
Rawatan Kanser Pesakit Luar	Bayaran Dikenakan				
Rawatan Pergigian Pesakit Luar Bagi Kemalangan Secara Kecemasan (RM)	4,000 ( <i>setiap kemalangan</i> )				
Penjagaan Kejururawatan Di Rumah (RM)	4,000 <i>(sehingga 180 hari, maksimum seumur hidup)</i>				
Rundingan Pembedahan Pendapat Kedua	Bayaran Dikenakan				
<b>Seksyen C – Manfaat Khas (Had tambahan di atas Had Tahunan Keseluruhan)</b>					
Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan (RM)	50,000				
Pemindahan Kecemasan Perubatan dan Penghantaran Pulang Antarabangsa (RM)	50,000 <i>(maksimum setahun)</i>				
Perbelanjaan Pengembumian (semua sebab) (RM)	2,000				
<b>Seksyen D – Pilihan</b>					

Penolakan (setiap Mana-mana Satu Hilang Upaya) <i>(terpakai untuk Seksyen A sahaja)</i>	Pilihan	A	B	C	D
	Jumlah Penolakan	RM 0	RM 5,000	RM 10,000	RM 20,000
	Diskaun Caruman	0%	15%	30%	50%

## SEKSYEN A – MANFAAT PESAKIT DALAM & PEMBEDAHAN HARIAN (tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan)

### (a) BILIK HOSPITAL DAN MAKAN

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk penginapan di bilik dan makan. Jumlah manfaat hendaklah sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh Hospital semasa Anda dimasukkan ke Hospital, tetapi manfaat tidak boleh melebihi bagi mana-mana satu Hari, kadar manfaat Bilik dan Makan, dan bilangan maksimum Hari seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Anda hanya layak menerima manfaat ini apabila dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam.

### (b) UNIT RAWATAN RAPI

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk bilik dan makan yang sebenarnya ditanggung semasa dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam di Unit Rawatan Rapi Hospital. Bayaran manfaat ini hendaklah sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh Hospital tertakluk kepada manfaat maksimum bagi mana-mana satu Hari, dan bilangan maksimum Hari, seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Apabila tempoh dimasukkan ke Hospital di Unit Rawatan Rapi melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, maka pembayaran balik akan dihadkan kepada kadar harian Bilik Hospital dan Makan. Tiada manfaat Bilik Hospital dan Makan akan dibayar untuk tempoh dimasukkan ke Hospital yang sama di mana manfaat Unit Rawatan Rapi dibayar.

### (c) BEKALAN DAN KHIDMAT HOSPITAL

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang sebenarnya ditanggung untuk jagaan am, dadah dan ubat yang dipreskripsi dan dimakan, pencucian dan pembalutan luka, anduh, acuan plaster, sinar-x, pemeriksaan makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolism basa, suntikan dan larutan intravena, pemberian darah dan plasma darah, termasuk kos darah dan plasma semasa Anda dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam di Hospital, hingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

### (d) PROSEDUR PEMBEDAHAN HARIAN

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk bayaran perubatan dan bayaran pakar yang dikenakan ke atas Pembedahan Harian (Pembedahan dan Perubatan) yang dilakukan sebagai Pesakit Luar (tanpa kemasukan ke Hospital) sehingga had maksimum bagi Hilang Upaya yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Ini termasuk rawatan susulan oleh Pakar Perubatan / Pakar / Pakar Bedah merawat yang sama tertakluk kepada jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Mana-mana Prosedur Pembedahan Harian yang dilakukan untuk tujuan penyiasatan dan diagnostik yang tidak berkaitan dengan rawatan untuk sebarang Hilang Upaya tertentu yang tidak dilindungi.

### (e) BAYARAN PEMBEDAHAN

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk Pembedahan oleh Pakar / Pakar Bedah, termasuk lawatan penilaian pra-pembedahan Anda oleh Pakar / Pakar Bedah dan rawatan selepas Pembedahan dari tarikh Pembedahan, tertakluk kepada jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jika lebih daripada satu Pembedahan dijalankan bagi Mana-mana Satu Hilang Upaya, jumlah bayaran untuk semua Pembedahan yang dijalankan tidak boleh melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

### (f) BAYARAN PAKAR BIUS

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh Pakar Bius untuk pemberian bahan bius yang tidak melebihi had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

### (g) BAYARAN BILIK BEDAH

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk Bilik Bedah yang berkaitan dengan prosedur pembedahan yang tidak melebihi had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

### (h) LAWATAN PAKAR PERUBATAN DALAM HOSPITAL

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh Pakar Perubatan untuk lawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan ke atas pesakit dalam berbayar semasa dimasukkan ke Hospital kerana Hilang Upaya bukan pembedahan yang tidak melebihi jumlah maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

### (i) BAYARAN AMBULANS

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans domestik yang diperlukan (termasuk atendan) ke dan/atau dari Hospital berkaitan. Bayaran tidak akan dibuat jika Anda tidak dimasukkan ke Hospital dan tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

### (j) ELAUN TUNAI HARIAN DI HOSPITAL KERAJAAN

Kami akan membayar elaun tunai harian bagi setiap Hari semasa dimasukkan ke Hospital untuk Hilang Upaya yang dilindungi di Hospital Kerajaan Malaysia, dengan syarat Anda dihadkan kepada kadar Bilik dan Makan yang tidak melebihi jumlah dan bilangan Hari yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

### (k) MANFAAT PENJAGAAN HARIAN ANAK ORANG YANG DIINSURANSKAN

Kami akan membayar balik perbelanjaan untuk makan dan penginapan yang ditanggung semasa menjaga anak-anak Anda (berumur di bawah lima belas (15) tahun) di Hospital tidak melebihi had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

### (l) BAYARAN LAPORAN PERUBATAN

Kami akan membayar balik bayaran sebenar bagi laporan perubatan yang lengkap oleh Pakar Perubatan / Pakar Bedah yang merawat untuk setiap Hilang Upaya tetapi tidak melebihi jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

### (m) TRANSPLAN ORGAN

Kami akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung bagi Pembedahan transplan untuk Anda sebagai penerima transplan hati, pinggang, jantung, paru-paru atau sum-sum tulang. Bayaran untuk manfaat ini adalah terhad kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Kos pemerolehan organ dan semua kos yang ditanggung oleh penderma adalah tidak dilindungi.

(n) **CUKAI KE ATAS PERBELANJAAN LAYAK**

Kami akan membayar balik jumlah Cukai Ke Atas Perbelanjaan Layak yang dikenakan oleh klinik atau **Hospital** ke atas pembekalan bercukai dan perkhidmatan yang diberikan kepada **Anda** yang akan dibayar di bawah sijil ini tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

**SEKSYEN B – MANFAAT PESAKIT LUAR (tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan)**

(a) **UJIAN DIAGNOSTIK PRAHOSPITAL**

Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan** untuk ECG, sinar-x dan ujian makmal yang dijalankan di **Hospital** untuk tujuan diagnostik bagi **Kecederaan** atau **Penyakit** apabila berkaitan dengan **Hilang Upaya** sebelum **Penghospitalan** dalam bilangan **Hari** dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat dan yang disyorkan oleh **Pakar Perubatan / Pakar**. Bayaran tidak akan dibuat jika dalam khidmat diagnostik itu, **Anda** tidak dimasukkan ke **Hospital** untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnosis itu.

(b) **RUNDINGAN PAKAR PRAHOSPITAL**

Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan** untuk rundingan oleh **Pakar** yang berkaitan dengan **Hilang Upaya** dalam bilangan **Hari** dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat sebelum dimasukkan ke **Hospital** dan dengan syarat rundingan itu **Perlu Dari Segi Perubatan** dan telah disyorkan secara bertulis oleh **Pakar Perubatan / Pakar** yang merawat, termasuk preskripsi untuk ubat dan rundingan berikutnya yang tertakluk kepada had Jadual Manfaat. Bayaran tidak akan dibuat apabila **Anda** tidak dimasukkan ke **Hospital** untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnosis itu.

(c) **RAWATAN SELEPAS PENGHOSPITALAN**

Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan** yang ditanggung dalam rawatan susulan untuk **Hilang Upaya** yang sama seperti semasa **Penghospitalan** sebaik sahaja keluar dari **Hospital** untuk **Hilang Upaya** bukan pembedahan termasuk preskripsi untuk ubat, dalam bilangan **Hari** dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

(d) **RAWATAN PESAKIT LUAR BAGI KEMALANGAN SECARA KECEMASAN**

Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan** yang ditanggung hingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, bagi **Kecederaan** anggota badan yang dilindungi yang timbul daripada **Kemalangan** untuk rawatan yang **Perlu Dari Segi Perubatan** sebagai **Pesakit Luar** di mana-mana klinik atau **Hospital** berdaftar dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa berlaku **Kemalangan** yang menyebabkan **Kecederaan** anggota badan yang dilindungi. Rawatan susulan oleh **Doktor** yang sama atau klinik atau **Hospital** berdaftar yang sama untuk **Kecederaan** anggota badan yang dilindungi yang sama akan disediakan hingga jumlah maksimum dan bilangan hari maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

(e) **RAWATAN FISIOTERAPI PESAKIT LUAR**

Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan** bagi rawatan fisioterapi **Pesakit Luar** yang dirujuk secara bertulis oleh **Pakar / Pakar Perubatan** berlesen selepas **Pembedahan** atau rawatan dalam **Hospital**, dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh keluar **Hospital** sehingga jumlah maksimum yang ditetapkan di Jadual Manfaat.

(f) **RAWATAN DIALISIS BUAH PINGGANG PESAKIT LUAR**

Jika **Anda** didiagnosis sebagai mengalami Kegagalan Buah Pinggang seperti yang dinyatakan di bawah, Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan** yang ditanggung yang **Perlu Dari Segi Perubatan** untuk rawatan dialisis buah pinggang yang dijalankan di pusat dialisis berdaftar yang sah tertakluk kepada had **Hilang Upaya** ini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (dialisis termasuk rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dibawa pulang) hendaklah diterima di jabatan **Pesakit Luar Hospital** atau di pusat rawatan dialisis berdaftar atau sebaik sahaja selepas keluar dari **Hospital** atau **Pembedahan**.

Kegagalan Buah Pinggang bermaksud kegagalan renal peringkat akhir yang menyebabkan kegagalan kronik dan tidak boleh pulih kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi dan oleh itu dialisis renal perlu dimulakan.

Ini adalah syarat khas bagi manfaat ini walaupun pengecualian **Penyakit Sedia Ada**, manfaat ini tidak akan dibayar kepada **Anda**, jika **Anda** mengalami penyakit renal kronik dan/atau sedang menerima rawatan dialisis sebelum tarikh mula takaful.

(g) **RAWATAN KANSER PESAKIT LUAR**

Jika **Anda** didiagnosis menghidap kanser seperti yang dinyatakan di bawah, Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan** yang ditanggung untuk rawatan kanser yang dijalankan di pusat rawatan kanser berdaftar yang sah tertakluk kepada had bagi **Hilang Upaya** ini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Jenis rawatan yang dilindungi sebagai rawatan kanser hanya terhad kepada radioterapi atau kemoterapi (suntikan atau oral), termasuk rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dibawa pulang.

Rawatan itu hendaklah diterima atau disarankan di jabatan **Pesakit Luar Hospital** atau di pusat rawatan kanser berdaftar atau sebaik sahaja selepas keluar dari **Hospital** atau **Pembedahan**.

Kanser ditakrifkan sebagai sel malignan yang tumbuh dan merebak secara tidak terkawal dan serangan serta pemusnahan tisu normal tersebut dianggap memerlukan rawatan perantaraan atau **Pembedahan** (tidak termasuk prosedur endoskopi). Kanser mesti disahkan melalui tanda malignansi histologi.

Ini adalah syarat khas bagi manfaat ini walaupun pengecualian **Penyakit Sedia Ada**, manfaat ini tidak akan dibayar kepada **Anda** yang telah didiagnosis sebagai pesakit kanser dan/atau sedang menerima rawatan kanser sebelum tarikh mula takaful.

(h) **RAWATAN PERGIGIAN PESAKIT LUAR BAGI KEMALANGAN SECARA KECEMASAN**

Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan** yang ditanggung hingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, bagi **Kecederaan Kemalangan** dan diterima sebagai Rawatan Pergigian Pesakit Luar Bagi Kemalangan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa berlaku **Kemalangan** di klinik pergigian atau **Hospital** berdaftar dan rawatan susulan oleh **Doktor Gigi** yang sama akan disediakan hingga jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

(i) **PENJAGAAN KEJURURAWATAN DI RUMAH**

Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan**, sehingga hari dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, untuk penjagaan kejururawatan berterusan oleh jururawat berdaftar yang **Perlu Dari Segi Perubatan** kepada **Anda** di rumah. Penjagaan kejururawatan tersebut mesti disyorkan oleh **Pakar Perubatan** atau **Pakar Bedah** yang merawat dan untuk tempoh minimum empat (4) jam setiap hari. Manfaat ini adalah berbayar hanya jika terdapat tuntutan sebelumnya yang dibayar bagi keadaan kesihatan yang mana **Penghospitalan** diperlukan oleh **Anda**.

Perlindungan Penjagaan Kejururawatan Di Rumah di bawah Sijil ini termasuk:

- (i) Terapi fizikal, pekerjaan atau ucapan;
- (ii) Terapi, rawatan untuk luka, pernafasan, penjagaan diabetes, penjagaan kolostomi, tiub pemakanan, suntikan dan ubat-ubatan lain untuk **Anda** di rumah.

Penjagaan kustodian, makanan, perkhidmatan penjagaan rumah am, sahabat dan barang keselesaan peribadi, atau sebarang perkhidmatan untuk aktiviti harian yang tidak **Perlu Dari Segi Perubatan** tidak akan dibayar. Manfaat yang dibayar tidak boleh melebihi bilangan hari dan jumlah maksimum pelan ini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

**(j) RUNDINGAN PEMBEDAHAN PENDAPAT KEDUA**

Kami akan membayar balik **Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan** bagi rundingan dengan **Pakar** bagi memperoleh pendapat kedua sebelum **Pembedahan** bagi **Penyakit** atau **Kecederaan** yang memerlukan **Pembedahan** sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Bayaran tidak akan dibuat apabila **Anda** tidak dimasukkan ke **Hospital** untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnosis itu.

**SEKSYEN C – MANFAAT KHAS** (Had tambahan di atas **Had Tahunan Keseluruhan**)

**(a) KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN**

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** badan, di mana dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut menyebabkan kematian atau hilang upaya yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat berikut, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat mengikut peratusan jumlah yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Keterangan Hilang Upaya	Peratusan Jumlah Yang Dilindungi (%)
Kehilangan nyawa	100
<b>Kehilangan Anggota Badan</b> (dua anggota badan)	100
Kehilangan kedua-dua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari	100
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar sakit di katil secara kekal	100
Tidak siuman sepenuhnya	100
Kecederaan yang mengakibatkan kekal terlantar di katil	100
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan <b>Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal</b>	100
Kehilangan tangan dari paras bahu	100
Kehilangan tangan antara paras bahu dan siku	100
Kehilangan tangan dari paras siku	100
Kehilangan tangan antara siku dan pergelangan tangan	100
Kehilangan tangan diparas pergelangan tangan	100
Kehilangan kaki	100
di paras pinggul	100
di antara lutut dan pinggul	100
di bawah lutut	100
<b>Mata: Kehilangan</b>	100
<b>Penglihatan</b>	50
<b>Penglihatan</b> , kecuali bayangan cahaya kanta	50
Kehilangan empat (4) jari dan satu (1) ibu jari di sebelah tangan	50
Kehilangan empat (4) jari	40
Kehilangan ibu jari	25
kedua-dua falanks	10
satu (1) falanks	
Kehilangan jari telunjuk	10
tiga (3) falanks	8
dua (2) falanks	4
satu (1) falanks	2
Kehilangan jari hantu	6
tiga (3) falanks	4
dua (2) falanks	2
satu (1) falanks	
Kehilangan jari manis	5
tiga (3) falanks	4
dua (2) falanks	2
satu (1) falanks	
Kehilangan jari kelengkeng	4
tiga (3) falanks	3
dua (2) falanks	2
satu (1) falanks	
Kehilangan metakarpus	3
pertama atau kedua (tambahan)	2
ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	
Kehilangan jari kaki	15
semua falanks	5
ibu jari, kedua-dua falanks	2
Ibu jari, satu (1) falanks	1
selain ibu jari, jika lebih daripada satu (1) jari setiap satu	
<b>Kehilangan Pendengaran</b>	75
kedua-dua belah telinga	15
sebelah telinga	
<b>Kehilangan Upaya Bertutur</b>	50

Tahap kependekan anggota mesti disahkan menerusi laporan **Pakar Perubatan**.

Sekiranya **Kecederaan Badan** tidak dinyatakan secara khusus, **Kami** berhak untuk menggunakan peratusan jumlah yang dilindungi berdasarkan hilang upaya, yang pada pendapat **Kami** tidak bercanggah dengan peruntukan Jadual Manfaat di atas.

"Kehilangan" anggota badan atau sebahagian daripadanya hendaklah bermaksud sebarang kehilangan akibat pemisahan secara fizikal sebenar atau **Kehilangan Penggunaan** yang menyeluruh dan kekal.

**Kehilangan Penggunaan** anggota badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan anggota badan.

Agregat semua peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu (1) **Kemalangan** tidak boleh melebihi seratus peratus (100%). Sekiranya 100% telah dibayar, semua perlindungan di bawah ini hendaklah berhenti berkuatkuasa. Semua kehilangan lain yang kurang daripada 100%, jika dibayar, akan mengurangkan perlindungan bagi manfaat ini sebanyak jumlah tersebut dari tarikh **Kemalangan** sehingga tamat Jadual **Sijil**.

#### Peruntukan Khas

- Koma  
Setelah mendapat pengesahan oleh **Pakar Perubatan** bahawa **Anda** telah berada dalam keadaan koma selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar 100% Jumlah Yang Dilindungi. Walau bagaimanapun, **Kami** mempunyai hak untuk mendapatkan pulangan pembayaran yang dibuat jika **Anda** memperoleh semula kesedaran dengan syarat potongan sebanyak 10% daripada pembayaran yang disebut di atas untuk setiap tahun **Anda** berada dalam keadaan koma.
- Kehilangan  
Kematian akan dianggap telah berlaku sekiranya **Anda** telah hilang selama dua belas (12) bulan yang berturut-turut dan **Kami** telah memeriksa segala bukti yang ada untuk menyokong kesimpulan bahawa kematian adalah disebabkan oleh **Kemalangan** yang dilindungi oleh Sijil ini. Jika pada bila-bila masa selepas bayaran dibuat oleh **Kami** bagi tuntutan sedemikian, **Anda** ditemui masih hidup, bayaran balik sepenuhnya hendaklah dibuat kepada **Kami**.

#### (b) PEMINDAHAN KECEMASAN PERUBATAN DAN PENGHANTARAN PULANG ANTARABANGSA

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Serius** atau **Penyakit Serius** di **Luar Negara**, dan pada pendapat **Kami** atau **Penyedia Perkhidmatan**, adalah dianggap munasabah dari segi perubatan untuk memindahkan **Anda** ke lokasi yang lain untuk rawatan perubatan, **Penyedia Perkhidmatan** akan mengatur pemindahan dengan menggunakan kaedah yang **Kami** atau **Penyedia Perkhidmatan** percaya adalah paling sesuai berdasarkan tahap keterukan keadaan perubatan **Anda**, tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Serius** atau **Penyakit Serius** di **Luar Negara**, dan pada pendapat **Kami** atau **Penyedia Perkhidmatan**, adalah dianggap munasabah dari segi perubatan untuk menghantar **Anda** pulang ke **Malaysia**, **Penyedia Perkhidmatan** akan mengatur penghantaran balik dengan menggunakan kaedah yang **Kami** atau **Penyedia Perkhidmatan** percaya adalah paling sesuai berdasarkan tahap keterukan keadaan perubatan **Anda**, tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Sekiranya **Anda** mengalami **Hilang Upaya** di **Luar Negara** yang menyebabkan kematian, **Penyedia Perkhidmatan** **Kami** akan membuat:

- (i) semua rancangan pengangkutan yang perlu (termasuk sebarang prosedur atau rancangan yang perlu untuk memenuhi kelaziman tempatan) bagi penghantaran balik jenazah **Anda** ke Malaysia; dan
- (ii) semua rancangan untuk pengebumian, pembakaran, penyediaan keranda atau pengawetan (sekiranya dipilih) di tempat kematian di **Luar Negara**, tetapi tidak termasuk sebarang perbelanjaan berkaitan hak, upacara keagamaan atau tiang pengebumian.

#### Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat (b):

Keputusan mengenai kaedah pengangkutan dan destinasi akhir akan dibuat oleh **Penyedia Perkhidmatan** atas budi bicara mutlak Kami. Anda mesti mengikut arahan dan petunjuk Kami atau **Penyedia Perkhidmatan** pada setiap masa.

#### Pengecualian Khas yang berkenaan dengan Manfaat (b):

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

- (i) perkhidmatan yang diberikan tanpa kebenaran dan/atau campur tangan **Penyedia Perkhidmatan**;
- (ii) perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana pihak selain daripada **Penyedia Perkhidmatan** dengan caj biasanya tidak dikenakan;
- (iii) rawatan perubatan yang diberikan oleh saudara mara dan/atau ahli keluarga Anda sama ada layak atau tidak;
- (iv) Hilang Upaya yang pada pendapat Pakar Perubatan **Penyedia Perkhidmatan** masih membolehkan Anda melancong secara fizikal dengan duduk sebagai penumpang biasa dan tanpa pengiring perubatan.

#### (c) PERBELANJAAN PENGEBUMIAN (SEMUA SEBAB)

**Kami** akan membayar jumlah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, jika **Anda** meninggal dua dalam **Tempoh Takaful**.

### SEKSYEN D – PILIHAN

#### (a) PENOLAKAN

Sijil ini adalah tertakluk kepada jumlah yang boleh ditolak seperti dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jumlah yang boleh ditolak bermaksud jumlah wang yang akan ditolak daripada **Perbelanjaan Layak** di bawah Seksyen A yang ditanggung oleh **Anda**, dan berdasarkan setiap **Mana-mana Satu Hilang Upaya** apabila **Anda** dimasukkan ke mana-mana hospital swasta. Walau bagaimanapun, jika **Anda** dimasukkan ke mana-mana Hospital Kerajaan Malaysia, **Perbelanjaan Layak** yang ditanggung tidak akan tertakluk kepada jumlah yang boleh ditolak.

### SYARAT-SYARAT

#### 1. HAD UMUR

Kelayakan umur untuk melayak bagi Sijil ini adalah dari tiga puluh (30) hari hingga enam puluh lima (65) tahun, dan boleh diperbaharui hingga seratus (100) tahun. Semua umur merujuk kepada umur **Anda** pada tarikh lahir yang berikutnya.

#### 2. PINDAHAN

**Kami** berhak meminda terma dan peruntukan Sijil ini dengan memberikan notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir **Pemilik Sijil** yang diketahui mengikut rekod **Kami dengan alasan yang sah**, dan pindaan tersebut akan terpakai dan pembaharuan berikutnya bagi Sijil ini. Pindaan kepada Sijil ini tidak sah kecuali jika diluluskan oleh **Kami** dan kelulusan itu hendaklah diendorskan pada Sijil tersebut. **Kami** hendaklah memberikan notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada **Pemilik Sijil** mengikut alamat terakhir yang direkodkan bagi mana-mana pindaan yang dibuat.

#### 3. TIMBANG TARA

Semua perbezaan yang timbul daripada Sijil ini hendaklah dirujuk kepada penimbang tara yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh

pihak dalam percanggahan. Jika mereka tidak berjaya mendapatkan persetujuan tentang siapa yang akan menjadi Penimbang Tara dalam tempoh satu (1) bulan apabila diminta secara bertulis untuk berbuat demikian, maka kedua-dua pihak layak melantik Penimbang Tara setiap seorang yang akan mendengar percanggahan itu bersama-sama dengan Pengadil yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara itu. Walau bagaimanapun, dengan syarat apa-apa penafian liabiliti oleh Kami bagi apa-apa tuntutan di bawah ini hendaklah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut.

#### 4. PENAMATAN AUTOMATIK

Sijil akan tamat secara automatik pada tarikh kejadian-kejadian berikut yang mana lebih awal:

- (a) pada tarikh **Jadual Sijil** ditamatkan; atau
- (b) apabila **Anda** meninggal dunia; atau
- (c) pada tarikh pembaharuan jika **Anda** mencapai had umur maksimum pada seratus (100) tahun; atau
- (d) pada tarikh pembaharuan atau tarikh tamat tempoh caruman, yang mana lebih awal, sekiranya caruman yang diperlukan tidak dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat Sijil.

Penamatan Sijil ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang tuntutan yang timbul sebelum penamatan tersebut. Pembuatan atau penerimaan sebarang caruman yang berikut penamatan Sijil ini tidak akan membentuk sebarang liabiliti tetapi pihak **Kami** akan mengembalikan sebarang caruman.

#### 5. PEMBATALAN

Sijil ini boleh dibatalkan oleh **Pemilik Sijil** pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada **Kami**, dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam **Tahun Sijil** semasa. **Pemilik Sijil** layak menerima pulangan balik caruman seperti yang berikut:

Tempoh Tidak Melebihi	Pulangan Balik Caruman Tahunan
15 hari (untuk pembaharuan sahaja)	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan balik

Tidak akan ada pulangan balik caruman untuk mod caruman bukan tahunan.

#### 6. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi syarat mutlak khas kontrak takaful ini bahawa caruman mesti dibuat dan diterima oleh **Kami** sebelum perlindungan takaful berkuatkuasa.

#### 7. PENSIJILAN, MAKLUMAT DAN KETERANGAN

Semua sijil, maklumat, laporan dan bukti perubatan seperti yang dikehendaki oleh **Kami** hendaklah diserahkan atas belanja **Pemilik Sijil**, dan dalam borang tertentu yang mungkin dikehendaki oleh **Kami**. Semua notis apabila dikehendaki oleh **Kami** supaya diberikan oleh **Pemilik Sijil**, hendaklah secara bertulis dan dialamatkan kepada **Kami**. **Pemilik Sijil** hendaklah, atas permintaan dan belanja **Kami**, menyerahkan kepada pemeriksaan perubatan apabila ia dianggap perlu.

#### 8. PROSEDUR TUNTUTAN

- (a) **Anda** hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari **Hilang Upaya** yang melibatkan belanja boleh tuntut, memberikan notis bertulis kepada **Kami** dengan menyatakan butiran lengkap kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal, serta laporan lengkap **Pakar Perubatan** yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh **Hilang Upaya** bermula mengikut pendapat **Pakar Perubatan** dan rumusan kos rawatan oleh **Pakar Perubatan** termasuk ubat dan khidmat yang diberikan. Kegagalan memberikan notis tersebut dalam tempoh yang dibenarkan tidak boleh membatalkan apa-apa tuntutan jika ditunjukkan tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberikan secepat yang mungkin.
- (b) **Anda** hendaklah mendapatkan dan bertindak berdasarkan nasihat perubatan yang sewajarnya dan **Kami** tidak bertanggungjawab jika rawatan atau khidmat diperlukan berikutnya kegagalan **Anda** berbuat demikian.

#### 9. BAYARAN BERSAMA (sijil sub-standard sahaja)

Bayaran Bersama ditanggung oleh **Pemilik Sijil** dengan syarat perkongsian kos atau terma takaful bersama tidak boleh melebihi dua puluh peratus (20%) daripada perbelanjaan yang boleh ditutut (i.e. tidak termasuk **Penolakan**) bagi setiap **Hilang Upaya**, tertakluk kepada had maksimum mutlak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (**RM** 3,000) (termasuk Penolakan) setiap **Hilang Upaya**. Had yang dinyatakan di atas tidak terpakai untuk Bayaran Bersama Bilik dan Makan Dinaikkan dan sijil yang memperuntukkan **Had Tahunan Keseluruhan** melebihi Ringgit Malaysia Seratus Ribu (**RM** 100,000).

#### 10. PRASYARAT LIABILITI

Pematuhan dan pelaksanaan terma, peruntukan dan syarat Sijil ini dengan sewajarnya oleh **Anda** dan selagi berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Anda** hendaklah menjadi prasyarat apa-apa liabiliti **Kami**.

#### 11. SUMBANGAN

Jika **Anda** mempunyai takaful/insurans lain yang melindungi mana-mana **Penyakit** atau **Kecederaan** yang dilindungi oleh Sijil ini, **Kami** tidak bertanggungjawab membayar jumlah yang lebih besar bagi **Penyakit** atau **Kecederaan** itu daripada jumlah yang terpakai bersama-sama ini yang ditanggung oleh Sijil ini bagi jumlah keseluruhan semua takaful yang sah yang melindungi **Penyakit** atau **Kecederaan** itu.

#### 12. TEMPOH BERTEMANG

Jika **Pemilik Sijil** membuat keputusan untuk tidak mengambil Sijil ini selepas Sijil telah dikeluarkan, **Pemilik Sijil** boleh mengembalikan Sijil kepada **Kami** untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan diserahkan oleh **Pemilik Sijil** kepada **Kami** dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil diterima oleh **Pemilik Sijil**. **Pemilik Sijil** layak menerima pulangan penuh caruman yang telah dibuat tolak belanja perubatan yang ditanggung oleh **Kami** untuk mengeluarkan Sijil tersebut. Sekiranya tuntutan telah dibuat, caruman tidak akan dipulangkan.

### **13. MATA WANG BAYARAN**

Semua bayaran di bawah Sijil ini hendaklah dibuat dalam mata wang Malaysia yang sah. Sekiranya apa-apa bayaran yang diminta oleh **Anda** supaya dibayar dalam mata wang lain, maka jumlah tersebut hendaklah dibayar dalam mata wang yang diminta seperti yang boleh dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang semasa pada tarikh penyelesaian tuntutan.

### **14. KEWAJIPAN PENDEDAHAN**

#### **(a) Kontrak Takaful Pengguna**

Apabila **Pemilik Sijil** telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan diri sendiri/keluarga/tanggungan, **Pemilik Sijil** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam Borang Cadangan (atau semasa cadangan Takaful ini). Dalam kata lain, **Pemilik Sijil** haruslah menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan kepada terma atau penamatkan kontrak Takaful **Pemilik Sijil** selaras dengan remedii di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. **Pemilik Sijil** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Pemilik Sijil** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

**Pemilik Sijil** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful **Pemilik Sijil** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa cadangan Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

#### **(b) Kontrak Takaful Bukan Pengguna**

Apabila **Pemilik Sijil** telah memohon Takaful ini untuk memberi manfaat Takaful perubatan kepada pekerja **Pemilik Sijil** dan tanggungan mereka, **Pemilik Sijil** mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Pemilik Sijil** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak Takaful **Pemilik Sijil**.

**Pemilik Sijil** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful **Pemilik Sijil** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemilik Sijil** memohon untuk Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

### **15. PEMBAYARAN BALIK PENUH BAGI HOSPITAL KERAJAAN**

Bayaran untuk belanja perubatan yang layak adalah dilindungi secara penuh untuk rawatan di **Hospital Kerajaan Malaysia** untuk setiap Penyakit atau Kecederaan.

### **16. SYARAT-SYARAT AM**

Sijil ini dan Jadual Manfaat hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Sijil atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.

### **17. WILAYAH PASARAN GEOGRAFI**

Semua manfaat yang disediakan dalam Sijil ini terpakai dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia. Jika **Anda** bukan warganegara Malaysia, lindungan **Anda** akan terhad kepada **Hospital** di Malaysia sahaja.

### **18. TEMPOH IHSAN**

Walaupun terdapat syarat Tunai Sebelum Perlindungan, Tempoh Ihsan selama empat belas (14) hari dari tarikh caruman perlu dibuat dibenarkan untuk pembuatan sebarang caruman. Dalam tempoh empat belas (14) hari tersebut, **Kami** akan bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, caruman telah dibuat. Jika sebarang caruman Sijil tidak dibuat sebelum akhir tempoh ihsan, Kontrak Sijil akan dianggap telah ditamatkan pada tarikh luput Sijil.

### **19. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SIJIL**

Sijil ini dikeluarkan di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk dan dikawal oleh undang-undang lazim di Malaysia.

### **20. NOTIS PENTING**

**Kami** ingin **Anda** mengambil perhatian terhadap maklumat penting yang berikut:

- Bukti umur dikehendaki pada masa sijil matang/tuntutan, jika umur belum dimaklumkan.
- Anda** boleh menghubungi Ejen, Pegawai Cawangan, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan di Ibu Pejabat **Kami** bagi sebarang pertanyaan atau perkhidmatan berkaitan dengan sijil **Anda**.
- Pertukaran alamat **Pemilik Sijil** harus dimaklumkan kepada **Kami** supaya semua urusan surat-menyerat boleh diuruskan dengan segera.

### **21. TUNTUTAN TIDAK LENGKAP**

Semua tuntutan hendaklah diserahkan kepada **Kami** dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah kejadian itu selesai yang untuknya tuntutan itu dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan manfaat layak diterima tidak akan dibayar kecuali semua bil untuk tuntutan itu telah diserahkan dan dipersetujui oleh **Kami**. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Apa-apa perbezaan atau penepian bagi perkara di atas adalah mengikut budi bicara **Kami** semata-mata.

### **22. PENAFSIRAN SIJIL**

Di mana konteksnya dibenarkan, perkataan yang menyatakan nombor tunggal sahaja hendaklah termasuk nombor majmuk dan sebaliknya dan perkataan yang menyatakan jantina maskulin sahaja hendaklah termasuk jantina feminin dan jantina neuter dan perkataan yang menyatakan orang hendaklah termasuk perbadanan.

### **23. PEMERIKSAAN PERUBATAN**

**Kami** berhak untuk memeriksa tubuh **Anda** bilamana ia perlu secara munasabah dan melakukan bedah siasat dalam kes kematian yang mana ia tidak dilarang oleh undang-undang.

### **24. SILAP NYATA UMUR**

Jika umur **Anda** telah tersilap nyata dan akibatnya caruman yang dibuat tidak mencukupi, maka apa-apa tuntutan yang dibayar di bawah Sijil ini hendaklah dikira secara pro rata berdasarkan nisbah caruman sebenar yang dibuat dengan caruman yang betul yang sepatutnya dikenakan selama setahun. Apa-apa caruman yang berlebihan, yang mungkin telah dibuat akibat silap nyata umur, hendaklah dipulangkan balik tanpa faedah. Jika pada umur yang betul, sekiranya **Anda** tidak layak dilindungi di bawah Sijil ini, maka tiada manfaat akan dibayar.

## **25. SALAH NYATA ATAU TIDAK MENYATAKAN FAKTA PENTING**

Sijil ini akan terbatas jika:

- (a) sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan oleh **Pemilik Sijil**, sebelum kontrak takaful ini bermula, dipelbagai atau diperbaharui, dalam atau pada mana-mana cadangan atau perisyiharan atau pertanyaan, telah dinyatakan dengan salah secara sengaja atau dengan cuai; atau\
- (b) sebelum kontrak takaful ini bermula, dipelbagai atau diperbaharui, **Pemilik Sijil** gagal memdedahkan sebarang fakta yang **Pemilik Sijil** tahu berkaitan dengan keputusan **Kami** samada untuk menerima risiko atau tidak, serta kadar dan syarat-syarat terpakai; atau
- (c) sebarang tuntutan dibuat yang didapati palsu atau ditokok tambah, atau terdapat sebarang pengisyiharan atau kenyataan palsu dalam menyokong tuntutan tersebut.

## **26. DISKAUN BERKUMPULAN ORANG YANG DIINSURANSKAN**

Sekiranya **Pemilik Sijil** membeli sijil untuk beberapa **Orang Yang Dilindungi** yang merupakan **Ahli-ahli Keluarganya**, Diskaun Berkumpulan Orang Yang Dilindungi akan diguna pakai. Peratus Diskaun Berkumpulan Orang Yang Dilindungi bergantung pada jumlah **Orang Yang Dilindungi** seperti dinyatakan dalam **Jadual Sijil**. Diskaun Berkumpulan Orang Yang Dilindungi adalah tidak terkumpul dan sekiranya berlaku perubahan dalam jumlah **Orang Yang Dilindungi**, Diskaun Berkumpulan Orang Yang Dilindungi akan diubah semula.

## **27. PENAMAAN**

Penamaan bermaksud proses **Pemilik Sijil** melantik seorang atau lebih penerima wang sijil sekiranya berlaku kematiian **Pemilik Sijil** (yang juga **Orang Yang Dilindungi**) dilakukan pada bila-bila masa selepas **Jadual Sijil** dikeluarkan. Sekiranya **Anda** ialah **Orang Yang Dilindungi**, **Anda** boleh membuat penamaan seorang atau lebih penerima wang sijil yang perlu dibayar di bawah **Jadual Sijil** ini. Jika **Pemilik Sijil** atau **Anda** meninggal dunia tanpa membuat penamaan, **Kami** akan membayar wang sijil kepada wasi atau pentadbir harta pusaka **Pemilik Sijil** atau **Anda** yang sah. Bayaran wang sijil adalah berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

## **28. NOTIS**

Setiap notis atau komunikasi kepada **Kami** hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada **Kami**. Pindaan bagi syarat dalam Sijil ini atau apa-apa pengendorsan padanya, tidak sah kecuali pindaan itu ditandangani atau diparap oleh wakil **Kami** yang diberi kuasa.

## **29. RAWATAN LUAR NEGARA**

Jika **Anda** menerima rawatan di **Luar Negara**, manfaat berkenaan rawatan tersebut akan dilindungi tertakluk kepada pengecualian, had dan peruntukan yang dinyatakan dalam Sijil ini dan semua manfaat akan dibayar berdasarkan kadar pertukaran rasmi pada **Hari** terakhir tempoh dimasukkan ke **Hospital** dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan sekiranya:

- (a) **Anda** melancang ke luar negara atas sebab selain daripada rawatan perubatan, perlu dimasukkan ke **Hospital** di luar Malaysia akibat **Kecemasan**; atau
- (b) **Anda** dicadangkan oleh **Pakar Perubatan** dan perlu dipindahkan ke **Hospital** di luar Malaysia kerana rawatan khusus, bantuan, maklumat atau keputusan yang dikehendaki tidak boleh diberikan, dikemukakan atau diambilkan di Malaysia.

Rawatan di **Luar Negara** untuk **Wabak**, **Sakit** atau **Kecederaan** yang didiagnosis di Malaysia dan bukan kecemasan atau dalam keadaan kronik yang mana rawatan boleh ditangguhkan sewajarnya sehingga pulang ke Malaysia hendaklah dikecualikan.

## **30. PEMILIKAN SIJIL**

Kecuali diperuntukkan sebaliknya secara nyata melalui Endorsemen dalam Sijil, **Kami** berhak menganggap **Pemilik Sijil** sebagai pemilik mutlak Sijil. **Kami** tidak terikat untuk mengiktiraf apa-apa tuntutan ekuiti atau tuntutan lain ke atas Sijil atau kepentingan dalam Sijil, dan penerimaan Sijil atau Manfaat oleh **Pemilik Sijil** (atau oleh wakilnya yang sah atau yang diberi kuasa) sahaja hendaklah merupakan pelepasan efektif bagi semua obligasi dan liabiliti **Kami**. **Pemilik Sijil** hendaklah dianggap sebagai prinsipal atau ejen bertanggungjawab bagi **Anda** yang dilindungi di bawah Sijil ini.

## **31. TEMPOH TAKAFUL DAN PEMBAHARUAN**

Sijil ini boleh dibaharui mengikut pilihan **Pemilik Sijil** sehingga berlaku mana-mana berikut:

- (a) caruman tidak dibuat atau caruman tidak dibuat mengikut masa
- (b) penipuan atau salah nyataan fakta penting semasa membuat permohonan
- (c) sijil dibatalkan atas permintaan **Pemilik Sijil**

- (d) **Anda** meninggal dunia
- (e) **Anda** mencapai had umur perlindungan yang ditentukan
- (f) penamatkan perlindungan semua sijil dalam pasaran tertentu dan **Kami** menarik balik Sijil ini sepenuhnya dari pasaran menurut Syarat Penarikan Balik Portfolio.

## **32. SYARAT PENARIKAN BALIK PORTFOLIO**

**Kami** berhak membatalkan portfolio secara keseluruhan jika **Kami** memutuskan untuk menghentikan produk takaful ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhan hendaklah diberitahu melalui notis bertulis yang munasabah terlebih dahulu dengan alasan yang sah kepada **Pemilik Sijil** dan **Kami** akan menanggung semua sijil hingga ke tarikh tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.

## **33. BUKTI KERUGIAN**

Setelah menerima notis berkaitan, **Kami** akan menyediakan borang kepada Pembuat Tuntutan bagi mengemukakan bukti kerugian. Jika borang tidak disediakan dalam masa lima belas (15) hari, Pembuat Tuntutan dengan mengemukakan bukti secara bertulis mengenai kejadian, bentuk dan tahap kerugian untuk tuntutan yang dibuat akan dianggap telah memenuhi keperluan mengikut peruntukan in.

Bukti kerugian mesti dikemukakan kepada **Kami** bagi kes tuntutan **Hilang Upaya**, dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas tamat tempoh **Hilang Upaya** yang mana **Kami** bertanggungjawab, dan dalam kes tuntutan mana-mana kerugian lain, dalam masa sembilan puluh (90) hari dan selepas tarikh kerugian tersebut.

## **34. PENGEMBALIAN SEMULA**

Jika **Anda** tidak membuat caruman dalam tempoh ihsan dan sijil ini telah luput, **Anda** tidak akan mempunyai apa-apa perlindungan takaful atau manfaat. Sekiranya sijil luput, **Anda** boleh memohon untuk mengembalikan semula sijil ini dalam masa satu (1) bulan selepas tarikh caruman patut dibuat yang tidak dijelaskan. Walau bagaimanapun, **Anda** mesti:

- (a) melengkapkan dan menandatangani borang pengembalian semula;
- (b) memperakui dengan jujur kesemua fakta di dalam borang pengembalian semula;
- (c) menyediakan semua maklumat (jika ada) yang telah **Kami** minta; dan
- (d) membuat semua tunggakan caruman.

### **35. TINGGAL DI LUAR NEGARA**

Tiada manfaat akan dibayar untuk apa-apa rawatan perubatan yang diterima oleh **Anda** di luar Malaysia, jika **Anda** tinggal atau membuat perjalanan di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

### **36. SEKATAN**

Kami tidak akan dianggap memberikan perlindungan atau akan membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada mana-mana **Pemilik Sijil**, **Anda** atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, manfaat itu akan melanggar mana-mana perdagangan atau ekonomi yang berkenaan undang-undang atau peraturan sekatan.

### **37. PERKONGSIAN LEBIHAN**

Kami akan menguruskan caruman takaful **Anda** dengan mengenakan Yuran Wakalah Kasar seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa kawal selia di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya melabur ke dalam dana Takaful melalui Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA). Jika pada akhir **Tempoh Takaful** yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** yang dilampirkan kepada Sijil, terdapat lebihan bersih dalam GRIA, lebihan bersih akan dikongsi secara seimbang pada nisbah 50:50 di antara **Kami** / Pengendali Takaful dan **Pemilik Sijil** yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima sebarang manfaat di bawah kelas risiko sama seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** tersebut selagi Sijil berkuat kuasa.

Semua **Pemilik Sijil** runcit yang tidak membuat sebarang tuntutan dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk pengagihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan tamat pada akhir tahun kewangan yang diisyiharkan.

Semua **Pemilik Sijil** korporat yang tidak membuat sebarang tuntutan melebihi tiga puluh (30%) peratus daripada caruman kasar dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk menerima agihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk Tempoh Takaful satu (1) tahun dan telah tamat pada akhir tahun kewangan yang diisyiharkan.

Kelayakan dan jumlah lebihan yang akan diagihkan adalah berasaskan kepada cadangan yang dibuat oleh Aktuari **Kami** Yang Bertanggungjawab dan diendors oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

### **38. CARUMAN TAKAFUL**

Ketika **Tempoh Takaful**, caruman untuk takaful di bawah Sijil ini adalah tidak dijamin dan adalah berasaskan kadar caruman yang berkuatkuasa ketika pembaharuan. Caruman perlu dibuat pada kadar caruman mengikut umur setiap ahli pada tarikh lahir yang berikutnya pada setiap ulangtahn **Tahun Sijil**. **Kami** berhak untuk mengubah kadar pada mana caruman dikira, pada permulaan mana-mana **Tahun Sijil**, dengan syarat bahawa **Kami** memberitahu **Pemilik Sijil** sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh caruman tersebut perlu dibuat.

### **39. PENGAMBILALIHAN SIJIL**

Jika sijil ini bermula sebaik sahaja selepas penamatan sijil terdahulu dan jika **Anda** mengalami **Hilang Upaya** perubatan sebelum atau pada masa sijil ini bermula (dan manfaat di bawah sijil terdahulu disediakan untuknya), **Anda** hendaklah terus dilindungi bagi **Hilang Upaya** sedia ada, tetapi tidak melebihi had sijil terdahulu dengan syarat **Kami** telah memperoleh satu salinan sijil terdahulu.

### **40. PENGURUSAN JUMLAH KECIL**

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika **Anda** membuat keputusan sebaliknya, **Anda** perlu mengemukakan permohonan formal kepada **Kami**.

**Kami** mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah **Kami**.

### **41. SIJIL DITINGKATKAN**

Jika Manfaat Layak Diterima bagi pihak **Anda** di bawah syarat Sijil ini ditambah semasa ia berkuat kuasa atau pada masa Pembaharuan atau penggantian dan jika **Anda** mengalami **Hilang Upaya** sebelum atau pada masa Manfaat ditambah, maka Had Manfaat yang dibayar bagi **Hilang Upaya** itu tidak boleh melebihi Had Manfaat sebelum tarikh Manfaat itu ditingkatkan.

### **42. BAYARAN BERSAMA NAIK TARAF BILIK DAN MAKANAN**

Jika **Anda** dimasukkan ke **Hospital** pada kadar Bilik dan Makanan yang lebih tinggi daripada manfaat yang **Anda** layak, **Anda** perlu membayar perbezaan kadar Bilik dan Makanan sahaja.

### **43. PERUNTUKAN CUKAI**

Semua caruman dan yuran yang perlu dibuat di bawah Sijil ini mungkin tertakluk kepada **Cukai**. Sekiranya **Cukai** dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invois dan **Kami** berhak untuk menuntut atau mengutip **Cukai** daripada **Anda** sebagai tambahan kepada caruman dan/atau yuran yang perlu dibuat di bawah Sijil ini.

### **44. PENYATAAN PIDM**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (lajari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## **PENGECUALIAN**

### **PENGECUALIAN (BERKENAAN DENGAN SEKSYEN A & SEKSYEN B)**

Kontrak ini tidak melindungi apa-apa **Penghospitalan**, **Pembedahan** atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

1. **Penyakit Sedia Ada**.
2. **Penyakit Tertentu** yang wujud dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan.
3. **Tempoh Tangguh** tiga puluh (30) hari untuk semua kecuali **Kecederaan Kemalangan**.
4. **Pembedahan** pilihan kosmetik atau plastik kecuali **Pembedahan** pembentukan semula diperlukan untuk memulihkan fungsi selepas **Kemalangan** yang berlaku dalam **Tempoh Takaful**.
5. Pemeriksaan mata, cermin mata, kanta sentuh dan prosedur pembedahan untuk pembetulan ralat refraktif mata dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik pembetulan seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplanckan dan preskripsinya.
6. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau **Pembedahan** oral kecuali apabila diperlukan kerana **Kecederaan** akibat **Kemalangan** pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam **Tempoh Takaful**.

7. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, apa-apa rawatan yang diterima semata-mata sebagai **Penghospitalan Pesakit Luar** terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis **Hilang Upaya** yang dilindungi yang tidak **Perlu Dari Segi Perubatan** dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh **Pakar Perubatan** dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
8. Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
9. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta **Pembedahan** pranatal atau posnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, menukar jantina, disfungsi seksual termasuk impotensi, ujian atau rawatan berkaitan pensterilan dan khatan dilakukan disebabkan apa-apa sebab selain daripada **Penyakit** atau jangkitan.
10. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau **Kecederaan** diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
11. **Peperangan** atau apa-apa tindakan perang, diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, aktiviti jenayah atau penganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
12. Rawatan untuk sebarang keadaan perubatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung dari pencemaran radioaktif atau apa-apa bahan nuklear, termasuk pembakaran bahan api nuklear.
13. Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh **Anda** dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya.
14. Penyiasatan ke atas dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, gangguan psikiatri, psikotik, gangguan mental atau saraf, termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya, gangguan psikiatri seperti neuro-psikosis, skizofrenia dan lain-lain.
15. Terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau aroma terapi.
16. Jagaan atau rawatan yang membayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana penyelia takaful lain atau tanggung rugi yang melindungi **Anda** dan **Hilang Upaya** yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerja yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja.
17. Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
18. Kos / belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
19. **Sakit** atau **Kecederaan** yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional, mendaki gunung dengan menggunakan tali atau panduan gunung dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
20. Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
21. Wabak dan/atau pandemik.

#### **PENGECUALIAN (BERKENAAN DENGAN SEKSYEN C – Manfaat a)**

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. Penglibatan atau penyertaan **Anda** dalam:-
  - (a) Anggota berpakaian seragam dan bersenjata, perkhidmatan atau operasi angkatan tentera laut atau udara;
  - (b) Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais;
  - (c) Memanjat batu atau mendaki gunung (dengan keperluan penggunaan tali atau pemandu gunung), meneroka gua, seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti dalam air yang melebihi lima puluh (50) meter dalam, aktiviti udara termasuk payung terjun, peluncuran gantung, terjun bungee atau sebarang jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki;
  - (d) Perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang diiktiraf dan dioperasi oleh mana-mana pesawat di laluan dan perjalanan udara yang dijadualkan dan perjalanan udara oleh mana-mana pesawat yang disewa dan dilesenkan dengan sewajarnya sebagai pengangkut udara yang diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan dikendalikan dengan betul;
  - (e) Perbuatan jenayah atau sebarang kegiatan haram.
2. Dipengaruhi oleh alcohol atau dadah, kecuali dadah tersebut diambil atas arahan **Pakar Perubatan** dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.
3. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
4. Kehamilan, kelahiran anak, keguguran.
5. Gigitan nyamuk.
6. **Sakit**, **Wabak** atau sebarang masalah kesihatan.
7. **Penyakit Sedia Ada**.
8. Sengaja mendedahkan diri kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
9. HIV (Virus Kurang Daya Ketahanan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), namun disebabkan dan/atau sebarang derivatif mutan, variasi atau rawatan yang disebabkan olehnya.
10. Penyertaan secara langsung dalam rusuhan atau kekecohan awam, pencerobohan, tindakan musuh asing, perusuhan (sama ada **Peperangan** diisyiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa.
11. Radiasi pengionan atau pencemaran oleh aktiviti radio dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear sendiri.
12. **Peperangan**, **Peperangan** saudara – sama ada diisyiharkan atau tidak.
13. Sebarang **Tindakan Keganasan**.
14. Wabak dan/atau pandemik (juga berkenaan bagi Seksyen C – Manfaat c).

#### **NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas **Kami**. **Anda** boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi Anda, mengehadkan pemprosesan data peribadi dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan **Kami** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Kami** dengan menghantar e-mel ke [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my). Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

Pemprosesan data peribadi **Anda** tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi **Kami**, seperti yang diterbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

## **PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN TAKAFUL**

Kami sentiasa bersedia memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Jika anda mempunyai sebarang aduan atau tidak berpuas hati berkaitan dengan sebarang produk atau perkhidmatan, kami bersedia memberikan perhatian. Anda boleh menghubungi Kami di:

### **Zurich General Takaful Malaysia Berhad**

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03 2109 6000

Faks: 03 2109 6888

Pusat Panggilan: 1 300 888 622

E-mel: [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)

### **Alternatif Lain untuk Membuat Aduan**

Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan akhir kami, anda boleh menulis surat kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat sijil anda.

Jika keputusan OPK memihak kepada anda berbanding kami, anda hendaklah memaklumkan OPK sama ada anda menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari. Jika anda tidak setuju dengan bayaran tersebut, anda boleh menolak keputusan OPK. Anda bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap kami atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

OPK boleh dihubungi di alamat berikut:

### **Ombudsman Perkhidmatan Kewangan**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: 03 2272 2811

Faks: 03 2272 1577

E-mel: [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)

Laman web: [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda boleh menyatakan ketidakpuasan hati anda kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

### **Secara Bertulis:**

Pusat Perhubungan Pelanggan Bank Negara Malaysia (BNMLINK), Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 88 5465

Faks: 03 2174 1515

E-mel: [bnmlink@bnm.gov.my](mailto:bnmlink@bnm.gov.my)

Laman web: [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

### **Secara Bersemuka:**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

### **Zurich General Takaful Malaysia Berhad**

No. Pendaftaran: 201701045981 (1260157-U)

Aras 23A, Mercu 3, No.3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03 2109 6000 Fax: 03 2109 6888 Call Centre: 1 300 888 622

[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)



The trademarks depicted are registered in the name of  
Zurich Insurance Company Ltd in many jurisdictions worldwide.